



IKLAN KEKOSONGAN PENYEWAAAN DAN PENGURUSAN PASAR BORONG BATU BERENDAM

Pihak MPHTJ ingin mempelawa syarikat Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang berkemampuan dan berkelayakan untuk menyewa serta menguruskan bangunan Pasar Borong Dan Medan Selera Pasar Borong termasuk menjalankan kerja-kerja menaik taraf dan penyelenggaraan (Tidak Termasuk Tapak Parkir) dengan perincian seperti berikut:

BIL	NAMA DAN LOKASI	KEKOSONGAN	NO. LOT	BILANGAN PETAK	KADAR SEWAAN SEBULAN	JENIS PERNIAGAAN	KOD BIDANG
1	PASAR BORONG BATU BERENDAM DAN MEDAN SELERA PASAR BORONG (Tidak Termasuk Tapak Parkir)	SATU (1)	LOT 6092 / PT 16661 MUKIM BATU BERENDAM	i) Pasar: Blok A: 72 unit Blok B: 68 unit Blok C: 53 unit Medan Penaja 3A: 93 tapak Medan Penaja 3B: 46 tapak ii) Medan Selera : 20 unit	PERLU DINYATAKAN DALAM CADANGAN DENGAN KADAR MINIMA RM38,000.00 (tidak termasuk SST)	PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN SERTA MENAIKTARAF PASAR BORONG	221506: Bangunan / Pejabat / Stor / Ruang Niaga / Rumah Kediaman



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pemohon mestilah Warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas dan keutamaan diberikan kepada penduduk yang lahir serta menetap di Negeri Melaka.
2. Keutamaan diberikan kepada Syarikat yang mempunyai pejabat di Negeri Melaka mampu menyediakan kelengkapan, peralatan, kemudahan dan tenaga kerja yang mencukupi.
3. Tawaran ini mengikut **keadaan sedhada (as it is basis)** di lokasi yang dinyatakan.
4. **Borang Permohonan Dan Cadangan Terperinci** perlu dihantar ke kaunter Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya beserta wang proses RM10.00 bersama-sama dokumen seperti berikut:
 - a. 1 salinan kad pengenalan pemohon dan saksi (suami/steribu/ bapa)
 - b. 1 salinan penyata kewangan yang terkini bagi 3 bulan terakhir
 - c. 1 salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan / Syarikat
 - d. 1 salinan Sijil Kementerian Kewangan beserta kod bidang yang berkaitan
 - e. Softcopy (CD/Pendrive) dan hardcopy (3 salinan berwarna) bagi cadangan terperinci merangkumi profil Syarikat serta pengalaman syarikat dari pihak syarikat yang mengandungi perkara-perkara berikut:
 - i. Cadangan kadar sewa bulanan kepada MPHJT
 - ii. Cadangan pelan menaiktaraf infrastruktur, kemudahan dan bangunan Pasar Borong
 - iii. Cadangan tempoh sewaan
 - iv. Cadangan strategi pengurusan kebersihan, waktu operasi dan lain-lain yang berkaitan
 - f. Lain-lain dokumen sokongan bagi menyokong permohonan (jika ada)
5. Pemohon hendaklah mengadakan lawatan tapak di lokasi premis terlebih dahulu sebelum menghadiri sesi pembentangan.
6. **PERMOHONAN DIBUKA BERMULA 1 SEPTEMBER 2026 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2026 PADA JAM 3.00 PETANG.** Hanya pemohon yang mengemukakan dokumen lengkap akan dihubungi melalui telefon untuk menghadiri sesi pembentangan. Pemohon diingatkan untuk hadir sendiri ke sesi pembentangan, berpakaian sopan, formal, kemas dan tertib.
7. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklumbalas selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh sesi pembentangan adalah dianggap **tidak Berjaya**
8. Segala pertanyaan boleh berhubung terus dengan Puan Nur Ain Syazwani Binti Jamaludin atau Puan Misah Binti Abdul Rahim di Bahagian Pengurusan Harta, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya di talian **06-2323773 sambungan 310/325**.



SKOP KERJA DAN TANGGUNGJAWAB

1. **Melaksanakan kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf Pasar Borong, Medan Selera dan Medan Penjaja secara menyeluruh** bagi memastikan premis berada dalam keadaan baik, selamat dan sesuai untuk digunakan.
2. **Melaksanakan kerja-kerja pembersihan secara menyeluruh (deep cleaning)** di semua premis, termasuk kawasan dalaman dan luaran, sistem saliran serta tangki septik secara berkala dan mengikut keperluan.
3. **Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berkala** yang merangkumi pembersihan dan pengurusan sisa, pembaikan struktur bangunan serta penyelenggaraan sistem mekanikal dan elektrik (M&E) bagi memastikan semua kemudahan sentiasa berada dalam keadaan baik dan berfungsi.
4. **Memastikan semua infrastruktur dan kemudahan awam dalam kawasan pasar**, termasuk longkang, laluan, kawasan lapang, rumput dan pokok, disenggara secara berkala mengikut jadual yang ditetapkan serta berada dalam keadaan bersih, selamat dan teratur.
5. **Mewajibkan semua peniaga di Medan Selera dan Medan Penjaja memasang perangkap minyak (grease trap)** yang bersesuaian serta memastikan sisa minyak dan sisa makanan tidak dibuang terus ke dalam sistem perpartian.
6. **Menyediakan, memasang dan menyelenggara sistem kamera litar tertutup (CCTV)** yang meliputi kawasan Pasar Borong, Medan Penjaja dan Medan Selera serta memastikan sistem tersebut sentiasa berfungsi dengan baik dan boleh digunakan pada setiap masa.
7. **Memastikan semua peniaga mempunyai lesen perniagaan yang sah serta perjanjian atau kontrak sewaan yang masih berkuat kuasa**, dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana peniaga yang gagal memenuhi keperluan tersebut.
8. **Menyediakan perlindungan insurans tanggungjawab awam (Public Liability Insurance)** dengan nilai perlindungan sekurang-kurangnya RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Juta Sahaja) sepanjang tempoh pengurusan dan pengoperasian premis.
9. **Melaksanakan kerja-kerja kawalan serangga perosak, termasuk semburan kabus (fogging) serta pembersihan kawasan persekitaran, longkang dan sistem saliran secara berkala**, berdasarkan jadual dan kekerapan yang bersesuaian bagi memastikan tahap kebersihan serta kesihatan persekitaran sentiasa terpelihara.
10. **Melantik syarikat yang berdaftar dan berkelayakan untuk menjalankan pemeriksaan serta menyediakan laporan bacaan kualiti air** pada setiap bulan, dan mengemukakan laporan tersebut kepada pihak Majlis untuk tujuan pemantauan dan rekod.



11. Memastikan pengurusan dan pelupusan sisa pepejal dilaksanakan dengan sempurna melalui kontraktor yang berdaftar dengan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) serta mematuhi segala peraturan dan keperluan yang berkuat kuasa.
12. Memastikan semua peniaga makanan mempunyai suntikan typhoid yang masih sah serta sijil pengendalian makanan yang sah, mengikut keperluan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan.
13. Menanggung sepenuhnya segala kos, liabiliti dan perbelanjaan yang berkaitan dengan pengurusan, penyelenggaraan, pembersihan, penaiktarafan dan pengoperasian premis, termasuk kos yang timbul daripada pematuhan terhadap keperluan perundangan, teknikal, keselamatan dan kesihatan yang berkaitan.

(DATUK SAPIAH BNTI HARON)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

42B/NASJ/iklanKekosonganPasarBorong